



Kementerian Kesihatan Malaysia

# **PANDUAN DAN PROSEDUR VERIFIKASI DATA PENYEBAB KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN DI MALAYSIA**





**Authors :**

\*Dr Nor Saleha Ibrahim Tamin

\*Dr Ismawati Ismail

\*Dr Feisul Idzwan Mustapha

\*Dr Omar Mihat

\*\*Pn Maimunah A. Rahman

\* Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit, KKM

\*\* Pusat Informatik Kesihatan, KKM

**Diterbitkan oleh :**

Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit

Bahagian Kawalan Penyakit

Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras 2, Blok E3. Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62590, Putrajaya

<http://www.moh.gov.my>

Edisi pertama 2017

## **PENGHARGAAN**

1. Keua Pengarah Kesihatan Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia
3. Pengarah Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia
4. Institut Kesihatan Umum  
Kementerian Kesihatan Malaysia
5. Pusat Informatik Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia
6. Pegawai Epidemiologi NCD Negeri
7. Jabatan Pendaftaran Negara
8. Jabatan Perangkaan Malaysia
9. Polis DiRaja Malaysia

---

## KANDUNGAN

1.	PENGENALAN .....	1
2.	OBJEKTIF GARIS PANDUAN .....	2
3.	PROSEDUR PELAKSANAAN SISTEM .....	2
3.1	TAJUK PROSEDUR .....	2
3.2	TUJUAN PROSEDUR .....	2
3.3	OBJEKTIF SISTEM .....	2
3.4	UNDANG-UNDANG BERKAITAN.....	2
3.5	ANGGOTA YANG TERLIBAT .....	2
3.5.1	Peringkat KKM .....	2
3.5.2	Peringkat Negeri .....	2
3.5.3	Peringkat Daerah .....	2
3.6	FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB.....	3
3.6.1	Pengarah Kawalan Penyakit / Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (NCD) .....	3
3.6.2	Pegawai NCD, Ibu Pejabat KKM (IPKKM).....	3
3.6.3	Timbalan Pengarah Pusat Informatik Kesihatan (PIK) .....	3
3.6.4	Pengarah Institut Kesihatan Umum (IKU).....	4
3.6.5	Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) .....	4
3.6.6	Pegawai Epidemiologi NCD Negeri .....	4
3.6.7	Pegawai Kesihatan Primer Negeri .....	5
3.6.8	Pegawai Kesihatan Daerah / Kawasan / Bahagian .....	5
3.6.9	Pegawai Perubatan Yang Menjaga Program (Penyelaras) .....	5
3.6.10	Pakar / Pegawai Perubatan / Pegawai Kesihatan Daerah yang telah dilatih dan dilantik untuk menentukan penyebab kematian.....	6
3.6.11	Penyelia Jururawat / Ketua Jururawat / Jururawat Terlatih / Penolong Pegawai Perubatan / Pegawai Perubatan .....	6
3.6.12	Jururawat Masyarakat / Pembantu Kesihatan Awam .....	6
4.	RINGKASAN PROSES KERJA DAN CARTA PERBATUAN .....	7
5.	CARTA ALIR.....	7
6.	SENARAI REKOD / DAFTAR KEMATIAN .....	7
7.	SENARAI BORANG .....	7
8.	REΤEN .....	7
9.	GLOSARI .....	7
10.	SENARAI RUJUKAN.....	8

## KATA-KATA ALUAN



Statistik sebenar kematian yang disahkan secara perubatan amat penting bagi membolehkan Malaysia mengenal pasti kadar kematian sebenar yang diakibatkan oleh penyakit-penyakit tertentu. Statistik ini juga diperlukan untuk tujuan pemantauan indikator penyakit seperti penyakit-penyakit kronik di peringkat kebangsaan dan global di mana Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) meletakkan sasaran untuk menurunkan kadar kematian pra-matang sebanyak 25% pada tahun 2025.

Pada tahun 2014, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melaporkan sebanyak 48.5% dari kematian yang didaftarkan di Malaysia adalah merupakan kematian yang tidak disahkan secara perubatan. Daripada jumlah kematian ini, hampir 60% dilaporkan ‘sakit tua’ sebagai penyebab kematian utama. Kajian *Determination of Cause of Deaths in Malaysia* yang telah dijalankan oleh Institut Kesihatan Umum (IKU) pada tahun 2013-2016 mendapati verifikasi data penyebab kematian berdasarkan temuramah menggunakan borang soal selidik yang telah diadaptasi daripada WHO serta divalidasikan untuk kegunaan di Malaysia telah berjaya menambah baik laporan kematian yang tidak disahkan secara perubatan dan menurunkan peratusan *ill-defined cause of death* daripada 66.4% kepada 25.4%.

Justeru itu, Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil inisiatif untuk menjadikan verifikasi data kematian yang tidak disahkan secara perubatan sebagai satu sistem bagi menambah baik peratus kematian disahkan secara perubatan di Malaysia. Kerjasama yang baik telah diperoleh daripada Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia dalam melaksanakan sistem ini. Buku “Panduan dan Prosedur Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan Di Malaysia” ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada semua anggota yang terlibat dalam melaksanakan sistem ini. Saya pasti pelaksanaan sistem ini mampu menambah baik statistik kematian disahkan secara perubatan di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "JHL".

**(DATUK DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

---

## **SINGKATAN**

DOSM	<i>Department of Statistics Malaysia</i> (Jabatan Perangkaan Malaysia)
IKU	Institut Kesihatan Umum
IPKKM	Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia
JKN	Jabatan Kesihatan Negeri
JM	Jururawat Masyarakat
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
NCD	<i>Non-Communicable Disease</i>
PIK	Pusat Informatik Kesihatan
PKA	Pembantu Kesihatan Awam
PKD	Pejabat Kesihatan Daerah
PKN	Pengarah Kesihatan Negeri
PPP	Penolong Pegawai Perubatan
WHO	<i>World Health Organization</i> (Pertubuhan Kesihatan Sedunia)

# PANDUAN DAN PROSEDUR VERIFIKASI DATA PENYEBAB KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN DI MALAYSIA

## 1. PENGENALAN

Seiring dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju, sistem laporan dan pendaftaran kematian yang sistematik dan terperinci adalah diperlukan bagi membolehkan statistik kematian sebenar negara ini diperoleh. Di samping itu, statistik sebenar kematian yang disahkan secara perubatan amat penting bagi membolehkan Malaysia mengenal pasti kadar kematian sebenar yang diakibatkan oleh penyakit-penyakit tertentu. Statistik ini juga diperlukan untuk tujuan pemantauan indikator penyakit seperti penyakit-penyakit kronik di peringkat kebangsaan dan global. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), telah meletakkan sasaran untuk menurunkan kadar kematian pra-matang sebanyak 25% pada tahun 2025. Justeru itu, Malaysia perlu mempunyai statistik dan kadar kematian yang sebenar bagi membolehkan Malaysia memberi maklum balas kepada WHO kelak.

Berdasarkan laporan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, sebanyak 48.5% kematian pada tahun 2014 direkodkan sebagai *non-medically certified death* dan daripada peratusan tersebut, hampir 60% sebab kematian dilaporkan sebagai ‘sakit tua’. Manakala hanya sebanyak 51.5% kematian yang telah didaftarkan sebagai *medically certified death* atau disahkan secara perubatan. Peratusan *medically certified death* ini adalah rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju yang lain.

Perbincangan dengan agensi-agensi berkaitan iaitu Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Institut Perubatan Forensik Negara telah diadakan dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil keputusan untuk menggunakan pakai kaedah *Verbal Autopsy* yang diadaptasi daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai satu sistem bagi meningkatkan peratusan kematian yang disahkan secara perubatan. Sistem ini dikenali sebagai ‘Sistem Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan’.

Sistem Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan ini adalah bertujuan untuk menambah baik pelaporan penyebab kematian bagi kematian-kematian yang berlaku di luar premis kesihatan (hospital) dan tidak bertujuan untuk mengubah mana-mana Akta sedia ada, tidak boleh digunakan untuk mengubah penyebab kematian sedia ada dalam pendaftaran di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan tidak boleh digunakan untuk kes-kes mahkamah.

---

## **2. OBJEKTIF GARIS PANDUAN**

Objektif garis panduan ini adalah untuk memberi panduan kepada semua pegawai dan anggota yang terlibat dalam proses verifikasi data penyebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan di semua peringkat di lapangan.

## **3. PROSEDUR PELAKSANAAN SISTEM**

### **3.1 TAJUK PROSEDUR**

Sistem Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan di Malaysia

### **3.2 TUJUAN PROSEDUR**

Prosedur ini menerangkan tatacara untuk verifikasi data-data kematian yang tidak disahkan secara perubatan.

### **3.3 OBJEKTIF SISTEM**

Meningkatkan peratus kematian disahkan secara perubatan di Malaysia daripada 51.5% (2014) ke arah 80.0% pada tahun 2025.

### **3.4 UNDANG-UNDANG BERKAITAN**

Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 – Akta 299

### **3.5 ANGGOTA YANG TERLIBAT**

#### **3.5.1 Peringkat KKM**

- i. Pengarah Kawalan Penyakit
- ii. Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit
- iii. Timbalan Pengarah Pusat Informatik Kesihatan

#### **3.5.2 Peringkat Negeri**

- i. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
- ii. Pegawai Epidemiologi NCD Negeri

#### **3.5.3 Peringkat Daerah**

- i. Pegawai Kesihatan Daerah / Kawasan / Bahagian
- ii. Pakar/Pegawai Perubatan
- iii. Penolong Pegawai Perubatan
- iv. Penyelia Jururawat

- v. Ketua Jururawat
- vi. Jururawat Terlatih
- vii. Jururawat Masyarakat
- viii. Pembantu Kesihatan Awam

### **3.6 FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB**

Bagi tujuan melancarkan proses pelaksanaan sistem ini, setiap pegawai dan anggota yang terlibat adalah bertanggungjawab terhadap perkara-perkara yang disenaraikan.

#### **3.6.1 Pengarah Kawalan Penyakit / Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (PTB)**

- i. Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan di peringkat KKM; dan
- ii. Memastikan Sistem Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan dilaksanakan berterusan di seluruh negara mengikut prosedur yang ditetapkan.

#### **3.6.2 Pegawai NCD, Ibu Pejabat KKM (IPKKM)**

- i. Menerima senarai rekod daftar kematian yang tidak disahkan secara perubatan daripada JPN pada minggu pertama setiap bulan;
- ii. Mengasingkan rekod daftar kematian yang diterima mengikut negeri dan daerah kematian dalam tempoh masa satu (1) minggu setelah diterima daripada JPN (minggu ke-2 setiap bulan);
- iii. Menghantar rekod daftar kematian mengikut negeri dan daerah kepada JKN (Pegawai Epidemiologi NCD setiap negeri) melalui fail yang telah ‘*encrypted*’ beserta kata laluan pada minggu yang sama;
- iv. Mengemaskini dan menyemak reten daripada JKN mengikut jangkamasa yang ditentukan (setiap 3 bulan).
- v. Menjalankan lawatan pemantauan / penyeliaan ke negeri / daerah tertentu mengikut keperluan;
- vi. Menjadi urusetia mesyuarat dengan agensi-agensi terlibat; dan
- vii. Menyelaras penganjuran bengkel / latihan peringkat kebangsaan kepada anggota terlibat.

#### **3.6.3 Timbalan Pengarah Pusat Informatik Kesihatan (PIK)**

- i. Memastikan setiap rekod daftar kematian yang dihantar ke Jabatan Kesihatan Negeri beserta *Cause of Death* yang baru /

---

ditambah baik diterima oleh PIK daripada JKN, melalui fail yang telah ‘*encrypted*’ beserta kata laluan (setelah selesai proses verifikasi data penyebab kematian di lapangan), pada minggu keempat bulan kedua

- ii. Melakukan pengekodan terhadap maklumat penyebab kematian yang telah ditambah baik oleh JKN/PKD mengikut ICD-10; dan
- iii. Mengumpul serta menghantar senarai rekod daftar kematian yang telah dikemaskini beserta kod ICD-10 kepada DOSM pada minggu akhir bulan ketiga selepas penerimaan data tersebut daripada JPN.

#### **3.6.4 Pengarah Institut Kesihatan Umum (IKU)**

- i. Menyediakan tenaga pengajar bagi latihan *Verbal Autopsy WHO Method* semasa bengkel / latihan kepada anggota yang terlibat; dan
- ii. Memberi khidmat nasihat kepakaran dalam pelaksanaan sistem Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan.

#### **3.6.5 Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)**

Memastikan pelaksanaan sistem berjalan lancar di negeri masing-masing.

#### **3.6.6 Pegawai Epidemiologi NCD Negeri**

- i. Memastikan senarai rekod daftar kematian yang diterima daripada Unit NCD, IPKKM tersebut dihantar ke setiap daerah berkaitan pada minggu ketiga setiap bulan;
- ii. Memantau pelaksanaan sistem di peringkat negeri dan daerah;
- iii. Menerima kes-kes kematian luar kawasan (negeri lain) daripada PKD (jika ada) dan menghantar data tersebut kepada negeri sebenar kes kematian (pindah keluar);
- iv. Menerima kes negeri sendiri dari negeri lain untuk dijalankan verifikasi data (pindah masuk);
- v. Menerima semula rekod daftar kematian yang telah dilakukan verifikasi data penyebab kematian oleh PKD beserta borang *Cause of Death* selewat-lewatnya pada minggu ketiga bulan kedua selepas penerimaan data tersebut daripada JPN.
- vi. Membuat semakan terhadap maklumat verifikasi data penyebab kematian yang diterima daripada PKD; dan

- vii. Menghantar senarai rekod daftar kematian yang telah disemak dan disahkan kepada PIK pada minggu keempat bulan kedua selepas penerimaan data tersebut daripada JPN.

### **3.6.7 Pegawai Kesihatan Primer Negeri**

Bersama-sama Pegawai Epidemiologi NCD Negeri memantau pelaksanaan sistem di peringkat negeri, daerah dan klinik-klinik kesihatan.

### **3.6.8 Pegawai Kesihatan Daerah / Kawasan / Bahagian**

- i. Mengenal pasti serta melantik Pakar / Pegawai Perubatan di setiap klinik kesihatan yang akan bertanggungjawab untuk menyemak maklumat yang diperoleh melalui verifikasi (temuramah) dan memuktamadkan penyebab kematian yang sewajarnya (Pakar Perubatan Keluarga atau *senior MO* perlu diberi keutamaan untuk dipilih);
- ii. Memastikan rekod daftar kematian diterima daripada JKN pada minggu ketiga setiap bulan;
- iii. Memastikan rekod daftar kematian yang diterima telah diasingkan mengikut klinik kesihatan / kawasan operasi / negeri oleh Pegawai Perubatan Yang Menjaga program di daerah;
- iv. Memastikan kes pindah keluar dihantar semula ke JKN;
- v. Memastikan kes pindah masuk yang diterima daripada JKN dilakukan verifikasi data penyebab kematian di lapangan;
- vi. Membentuk pasukan di peringkat daerah dan klinik kesihatan yang diketuai oleh Pegawai Perubatan untuk menjalankan siasatan kematian di luar hospital;
- vii. Memantau pelaksanaan sistem di peringkat daerah / kawasan / bahagian;
- viii. Memastikan kompilasi dan semakan data kematian yang telah dilakukan verifikasi oleh pasukan, berserta borang *Cause of Death* yang disahkan oleh Pakar / Pegawai Perubatan, disiapkan dalam tempoh yang ditentukan; dan
- ix. Memastikan senarai rekod daftar kematian yang telah disemak dan disahkan dihantar semula ke JKN masing-masing.
- x. Memastikan reten dikemaskini dan hantar kepada JKN.

### **3.6.9 Pegawai Perubatan Yang Menjaga Program (Penyelaras)**

- i. Menyelia Pasukan Verifikasi Data Penyebab Kematian (PVDPK) di peringkat daerah;

- 
- ii. Mengasingkan senarai rekod daftar kematian yang diterima mengikut klinik kesihatan / kawasan operasi;
  - iii. Memastikan reten diterima setiap bulan daripada setiap klinik kesihatan yang menjalankan verifikasi data penyebab kematian;
  - iv. Lakukan kompilasi data kematian yang telah selesai proses verifikasi beserta borang *Cause of Death* bagi kes yang berjaya diselesaikan (maklumat penyebab kematian utama diperoleh);
  - v. Membuat kompilasi dan semakan reten yang diterima setiap bulan daripada klinik kesihatan; dan
  - vi. Menghantar maklumat reten ke JKN setiap bulan.

#### **3.6.10 Pakar / Pegawai Perubatan / Pegawai Kesihatan Daerah yang telah dilatih dan dilantik untuk menentukan penyebab kematian**

- i. Menyemak maklumat di borang soal selidik yang diperoleh melalui temuramah dengan waris si mati / pemaklum;
- ii. Memuktamadkan sebab kematian yang paling wajar termasuk *underlying cause of death*) mengikut format borang *Cause of Death*.
- iii. Mengesahkan dengan menurunkan tandatangan serta cop rasmi dan nombor MMC di Borang *Cause of Death*; dan
- iv. Menyerahkan maklumat tersebut (dalam Borang *Cause of Death* yang telah disahkan) kepada Pegawai Penyelaras di daerah.

#### **3.6.11 Penyelia Jururawat / Ketua Jururawat / Jururawat Terlatih / Penolong Pegawai Perubatan / Pegawai Perubatan**

- i. Menjalankan temuramah (menggunakan borang soal-selidik) verifikasi data penyebab kematian berdasarkan senarai rekod daftar kematian yang diterima secara bulanan, dan
- ii. Menyelaras pelaksanaan lawatan di mana terdapat keperluan membuat lawatan di luar waktu pejabat kerana ianya melibatkan tuntutan lebih masa (OT).

#### **3.6.12 Jururawat Masyarakat / Pembantu Kesihatan Awam**

- i. Membantu mengenal pasti alamat tempat kediaman waris / pemaklum;
- ii. Pergi ke tempat kediaman waris / pemaklum bersama pegawai yang menjalankan temuramah verifikasi data kematian sekiranya diperlukan, dan

- iii. Membawa sebarang dokumen yang diketahui berkaitan si mati bagi kes yang sukar dikesan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Kampung atau Rukun Tetangga.

#### **4. RINGKASAN PROSES KERJA DAN CARTA PERBATUAN**

Rujuk **Lampiran A** dan **Lampiran G**.

#### **5. CARTA ALIR**

Rujuk **Lampiran B**.

#### **6. SENARAI REKOD / DAFTAR KEMATIAN**

- Senarai Rekod Daftar Kematian daripada JPN; dan
- Senarai Rekod Daftar Kematian Setelah Verifikasi (**Lampiran C**).

#### **7. SENARAI BORANG**

- Borang Soal Selidik Verifikasi Penyebab Kematian di Malaysia Atas 12 tahun (VA 01/2017);
- Borang Soal Selidik Verifikasi Penyebab Kematian di Malaysia Bawah 12 tahun (VA 02/2017); dan
- Borang *Cause of Death* (**Lampiran E**).

#### **8. RETEN**

- Bagi memantau jumlah maklumat yang diperoleh hasil daripada verifikasi data penyebab kematian yang dijalankan di seluruh negara, reten bulanan perlu dihantar oleh PKD kepada JKN pada atau sebelum 10hb setiap bulan; dan
- Reten perlu menggunakan format yang dipersetujui (seperti di **Lampiran F**) dan dihantar oleh JKN kepada Unit NCD, Bahagian Kawalan Penyakit, Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia pada setiap 15hb dalam tempoh tiga bulan (15hb April / Julai / Oktober / Januari).

#### **9. GLOSARI**

Rujuk **Lampiran D**.

---

## **10. SENARAI RUJUKAN**

- a) *Department of Statistics Malaysia. Statistics On Causes Of Death, Malaysia, 2014.*
- b) Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 – Akta 299;

## LAMPIRAN A

### PROSEDUR VERIFIKASI DATA KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN DI MALAYSIA

#### RINGKASAN PROSES KERJA

ANGGOTA TERLIBAT	TINDAKAN	DOKUMEN BERKAITAN	TEMPOH MASA
Pegawai NCD, KKM	<ol style="list-style-type: none"><li>Terima rekod daftar kematian luar hospital daripada JPN.</li><li>NCD akan asingkan rekod mengikut negeri dan daerah.</li><li>NCD akan hantar rekod daftar kematian kepada JKN.</li><li>Menerima reten daripada JKN.</li><li>Merancang dan melaksanakan lawatan pemantauan.</li><li>Menganjurkan bengkel / latihan.</li><li>Urusetia mesyuarat dengan agensi-agensi terlibat.</li></ol>	Rekod daftar kematian yang tidak disahkan secara perubatan  Reten	Minggu pertama setiap bulan  Setiap tiga bulan Sepanjang tahun (mengikut keperluan) Setahun sekali Setahun sekali
Pusat Informatik Kesihatan (PIK)	<ol style="list-style-type: none"><li>Terima Senarai Daftar Kematian Setelah Verifikasi beserta sebab kematian yang baru (berdasarkan Borang <i>Cause of Death</i> yang telah selesai dan dilengkapkan) daripada setiap JKN.</li><li>Mengkodkan sebab kematian mengikut ICD-10.</li><li>Hantar data kematian yang telah dikodkan kepada DOSM dan disalinkan kepada Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit, KKM.</li></ol>	Data kematian yang tidak disahkan secara perubatan	Minggu keempat setiap bulan  Minggu keempat setiap bulan

<b>ANGGOTA TERLIBAT</b>	<b>TINDAKAN</b>	<b>DOKUMEN BERKAITAN</b>	<b>TEMPOH MASA</b>
Pegawai Epidemiologi NCD Negeri	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Semak dan agihkan rekod daftar kematian yang diterima daripada NCD, IPKKM kepada daerah.</li> <li>2. Terima data kematian negeri lain daripada PKD untuk dihantar ke negeri sebenar kes (pindah keluar).</li> <li>3. Terima data kematian pindah masuk daripada negeri lain dan dihantar ke PKD sebenar untuk verifikasi data (pindah masuk).</li> <li>4. Terima semula dan semak rekod daftar kematian yang telah dilakukan verifikasi oleh daerah.</li> <li>5. Hantar Senarai Daftar Kematian Setelah Verifikasi (beserta sebab kematian berdasarkan borang <i>Cause of Death</i>) yang telah dilengkapkan dan dikompilasi kepada PIK, KKM.</li> <li>6. Terima reten daripada PKD.</li> <li>7. Hantar reten ke NCD, KKM.</li> </ol>	<p>Senarai kematian yang tidak disahkan secara perubatan mengikut daerah</p>	<p>Minggu kedua setiap bulan</p> <p>Minggu ketiga setiap bulan</p> <p>Minggu keempat setiap bulan (bermula bulan kedua)</p> <p>Setiap bulan</p> <p>Setiap tiga bulan.</p>
Pegawai Kesihatan Primer Negeri	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bersama Pegawai Epidemiologi NCD Negeri memantau pelaksanaan sistem di peringkat negeri, daerah dan klinik-klinik kesihatan.</li> </ol>		
Pegawai Kesihatan Daerah/ Bahagian /Kawasan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bentuk pasukan di peringkat daerah dan klinik kesihatan yang diketuai oleh Pakar / Pegawai Perubatan.</li> <li>2. Kenal pasti dan melantik Pakar / Pegawai Perubatan untuk dilatih dan seterusnya bertanggung-jawab</li> </ol>		


ANGGOTA TERLIBAT	TINDAKAN	DOKUMEN BERKAITAN	TEMPOH MASA
	<p>menyemak maklumat dan memuktamadkan penyebab kematian yang baru.</p> <p>3. Terima rekod daftar kematian daripada JKN dan pastikan telah diasingkan mengikut klinik kesihatan/kawasan operasi.</p> <p>4. Pastikan kes pindah keluar dan kes pindah masuk diuruskan mengikut prosedur.</p> <p>5. Pastikan senarai rekod pendaftaran kematian luar hospital yang telah dilakukan verifikasi dikompilasi dan disemak sebelum dihantar semula kepada JKN.</p> <p>6. Pastikan reten dikemaskini dan hantar kepada JKN.</p>		<p>Minggu ketiga setiap bulan.</p> <p>Setiap bulan</p> <p>Setiap bulan</p>
Penyelaras di PKD (Pegawai Perubatan Yang Menjaga Program)	<p>1. Asingkan senarai rekod daftar kematian yang diterima.</p> <p>2. Menghantar kes ke Pasukan Verifikasi Data Penyebab Kematian di klinik kesihatan yang terlibat.</p> <p>3. Menghantar kes luar daerah ke pegawai penyelaras di daerah berkenaan.</p> <p>4. Menghantar kes negeri lain ke JKN (pindah keluar).</p> <p>5. Terima kes pindah masuk daripada JKN.</p> <p>6. Lakukan kompilasi data kematian yang telah selesai verifikasi data beserta Borang <i>Cause of Death</i> bagi kes yang berjaya diselesaikan.</p> <p>7. Terima reten dari klinik</p>		Setiap bulan

ANGGOTA TERLIBAT	TINDAKAN	DOKUMEN BERKAITAN	TEMPOH MASA
	kesihatan. 8. Kemaskini kompilasi dan semakan reten. 9. Menghantar reten ke JKN.		Setiap bulan
Pakar/ Pegawai Perubatan/ Pegawai Kesihatan Daerah yang telah dilatih dan dilantik untuk menentukan penyebab kematian	1. Semak maklumat yang diperoleh melalui proses verifikasi data. 2. Muktamadkan sebab kematian yang paling wajar. 3. Sahkan dan turun tandatangan serta cop rasmi dan nombor MPM di borang <i>Cause of Death</i> .		
PKD (Penyelia Jururawat / Ketua Jururawat / Jururawat Terlatih / PPP / Pegawai Perubatan)	1. Jalankan siasatan penyebab kematian. 2. Atur dan selaraskan lawatan ke tempat kediaman waris si mati / pemaklum.	Borang soal selidik “Verifikasi Data Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan”	
Jururawat Masyarakat / Pembantu Kesihatan Awam	1. Membantu mencari alamat / tempat kediaman waris si mati / pemaklum. 2. Bersama pegawai ke tempat kediaman waris / pemaklum semasa menjalankan temuramah sekiranya diperlukan 3. Bawa sebarang dokumen rekod kesihatan berkaitan si mati (jika ada).		

Nota:

1. Data-data kematian tidak disahkan secara perubatan perlu dilengkapkan dan dihantar ke DOSM selewat-lewatnya tiga bulan dari tarikh penerimaan data kematian daripada JPN.
2. Prosedur bagi kematian bawah umur 5 tahun dan *maternal mortality* adalah menggunakan prosedur sedia ada.

## LAMPIRAN B



## LAMPIRAN C



**SENARAI REKOD PENDAFTARAN KEMATIAN LUAR HOSPITAL  
SETELAH VERIFIKASI  
BAGI BULAN \_\_\_\_\_ TAHUN \_\_\_\_\_**

MAKLUMAT DARI JABATAN PENDAFTARAN NEGARA (JPN)							
BIL.	NO. K.P. SI MATI	NAMA PENUH SI MATI	TARIKH MATI	ALAMAT TERAKHIR SI MATI	SEBAB KEMATIAN	NO. K.P. PEMAKLUM	NAMA PEMAKLUM

PENYEBAB KEMATIAN BERDASARKAN VERIFIKASI				
Nama Penuh Pegawai Perubatan Yang Mengesahkan	No. MPM Pegawai Perubatan	Penyebab Kematian I(a)	Penyebab Kematian I(b)	Penyebab Kematian I(c)

## LAMPIRAN D

### GLOSARI

Alamat tempat kediaman si mati	Alamat rumah	Alamat rumah / tempat kediaman biasa si mati.
	Poskod	Poskod bagi tempat kediaman biasa si mati.
	Daerah	Daerah pentadbiran bagi tempat kediaman biasa si mati.
	Negeri	Negeri tempat kediaman biasa si mati.
Tarikh kematian		Tarikh seseorang meninggal dunia.
Masa kematian		Masa seseorang meninggal dunia.
Sebab kematian		<i>The disease or injury which initiated the train of morbid events leading directly to death, or the circumstances of the accident or violence which produced the fatal injury.</i>
Alamat tempat kematian	Alamat rumah	Alamat tempat berlakunya kematian.
	Poskod	Poskod bagi tempat berlakunya kematian.
	Daerah	Daerah pentadbiran bagi tempat berlakunya kematian.
	Negeri	Negeri tempat berlakunya kematian.
Nama penuh pengesah		Nama penuh orang yang mengesahkan kematian seseorang.
Pekerjaan pengesah		Sama ada polis, pegawai perubatan, coroner atau selainnya (perlu dinyatakan).
Nama penuh pemaklum		Nama penuh pemaklum kematian seseorang, sama ada waris atau orang yang mengetahui tentang kematian tersebut.
Alamat pemaklum	Alamat rumah	Alamat rumah / tempat kediaman biasa pemaklum.
	Poskod	Poskod bagi tempat kediaman biasa pemaklum.
	Daerah	Daerah pentadbiran bagi tempat kediaman biasa pemaklum.
	Negeri	Negeri tempat kediaman biasa pemaklum.
Nama penuh pegawai perubatan yang mengesahkan		Nama penuh pegawai perubatan yang mengesahkan kematian.
No.MPM Pegawai Perubatan		No. MPM Pegawai Perubatan yang mengesahkan kematian.
Penyebab kematian		Penyebab kematian yang disahkan oleh Pegawai Perubatan berdasarkan verifikasi.

---

## LAMPIRAN E

### CAUSE OF DEATH

<b>Cause Of Death</b>	<b>Approximate interval between onset and death</b>
<b>I</b> Disease or condition directly leading to death*  <b>Antecedent causes</b> Morbid conditions, if any, giving rise to the above cause, stating the underlying condition last  (a)..... due to (or as a consequence of)  (b)..... due to (or as a consequence of)  (c)..... due to (or as a consequence of)  (d).....	..... ..... ..... .....
<b>II</b> Other significant conditions contributing to the death, but not related to the disease or condition causing it  ..... .....	..... .....

Assigned by:

---

(NAME: )

(DATE: )

**LAMPIRAN F**

**FORMAT RETEN  
VERIFIKASI DATA PENYEBAB KEMATIAN  
YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN**



**Negeri :** .....

**Laporan untuk bulan, tahun : Jan–Mac / April–Jun / Julai–Sept / Okt–Dis 20\_\_\_**

BIL.	PERKARA	JUMLAH SEMASA	PERATUS SEMASA	JUMLAH KUMULATIF	PERATUS KUMULATIF	CATATAN
1	Jumlah rekod daftar kematian daripada JPN untuk bulan / tahun : ...../.....					
2	Kes luar kawasan (Pindah Keluar)					
	2.1 Daerah lain					
	2.2 Negeri lain					
3	Kes daripada negeri lain (Pindah Masuk)					
4	Alamat / rumah tidak dijumpai					
5	Waris enggan ditemuramah					
6	Kes masih dalam siasatan					
7	Kes selesai disiasat					

**Di semak oleh** : .....

**Tandatangan** : .....

**Tarikh** : .....

LAMPIRAN G

**CARTA PERBATUAN  
KICK-OFF PELAKSANAAN VERIFIKASI DATA PENYEBAB KEMATIAN  
YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN**

**FREQUENTLY ASKED QUESTIONS**

**A. Soalan Am**

**1) Adakah penyebab kematian yang diperolehi daripada Verifikasi Data Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan akan dihantar ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk sijil kematian (*death certificate*)?**

Penyebab kematian yang diperolehi daripada Verifikasi Data Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan ini hanyalah bagi tujuan statistik dan **TIDAK AKAN** mengubah data di JPN.

Ia juga **TIDAK BOLEH** digunakan untuk apa-apa kes mahkamah atau tuntutan insurans.

**2) Bolehkah penyebab kematian daripada soal-selidik ini dimaklumkan kepada waris?**

Maklumat daripada soal-selidik tidak sepertutnya diberitahu kepada waris. Penyebab kematian hanya diputuskan oleh Pegawai Perubatan atau pasukan yang dilantik iaitu *most probable cause of death* bagi tujuan pelaporan WHO.

**3) Berapa anggaran kes kematian yang tidak disahkan secara perubatan dalam tempoh sebulan?**

JPN memberi anggaran dalam 5,000 kes sebulan iaitu anggaran 400 bagi setiap negeri.

**4) Bagi kes kematian di bawah umur 5 tahun, adakah Verifikasi Data Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan masih perlu dijalankan?**

Kes kematian di bawah umur 5 tahun tidak perlu dibuat soal selidik. Penyebab kematian hendaklah menggunakan hasil siasatan oleh Jawatankuasa Kematian Bawah 5 Tahun oleh pihak Kesihatan Ibu dan Anak (MCH).

**B. Soalan berkaitan senarai kematian / borang**

**5) Adakah kematian bukan warganegara yang tidak disahkan secara perubatan akan masuk dalam daftar kematian untuk dijalankan verifikasi?**

Tidak

---

**6) Mengapakan tiada maklumat nombor telefon waris di dalam senarai kematian kerana ia amat membantu dalam mencari waris.**

Format Borang Daftar Kematian JPN sedia ada (JPN.LM02) tidak mengambil maklumat nombor telefon waris. Oleh sebab itu JPN tidak dapat membekalkan nombor telefon. Walau bagaimanapun, JPN memaklumkan bahawa mereka dan PDRM sedang bekerjasama membuat projek rintis Integrasi Sistem Permit Mengubur-Pendaftaran Kematian di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk PDRM mendapatkan nombor telefon waris. Sekiranya projek rintis ini berjaya, ia akan diperluaskan ke seluruh semenanjung dan dijangkakan nombor telefon waris / pemaklum akan dapat diperolehi bagi membantu dalam pencarian waris.

**7) Bolehkah temuramah dijalankan melalui panggilan telefon?**

Tidak boleh.

**8) Adalah responden / waris perlu menandatangi persetujuan untuk ditemuramah.**

Tidak perlu kerana ini bukanlah kajian / *research*.

**9) Apakah tarikh yang perlu dicatatkan di soalan no.4 borang soal selidik (di bawah maklumat waris/pemaklum)?**

Tarikh temuramah dijalankan.

**10) Bolehkah rekod kesihatan si mati digunakan untuk mendapat maklumat awal tentang sebab kematian si mati?**

Boleh tetapi akan berlaku sedikit *bias*.

**11) Mengapakah terdapat sesetengah jawapan di dalam borang soal-selidik menggunakan no. 1,2,3 dan terus ke 8 & 9 ?**

No. 8 & 9 adalah *coding* yg biasa digunakan utk penyelidikan bagi jawapan ‘enggan menjawab’ & ‘tidak tahu’. Oleh kerana borang soal selidik yang digunakan adalah dari Institut Kesihatan Umum (IKU) yang diadaptasi dari WHO dan telah divalidasikan, borang soal selidik ini tidak akan diubah.

**C. Lain-lain**

**12) Apakah yang perlu dilakukan bagi kes-kes yang terdapat dalam senarai JPN tetapi tidak dapat dikesan?**

Sekiranya waris tidak dapat dikesan / dijumpai selepas tiga kali lawatan, kes ini boleh ‘diabaikan’ dan diletakkan catatan ‘tidak dijumpai’ / ‘alamat tidak lengkap’ / ‘sudah berpindah’ dan sebagainya. Penyebab kematian dikekalkan seperti yang dicatatkan di dalam senarai daripada JPN.

**13) Untuk mengurangkan masalah penyebab kematian tidak diverifikasi secara perubatan, mungkinkah masa akan datang borang daftar kematian diletakkan di Klinik Kesihatan contohnya untuk kes yg meninggal di kecemasan Klinik Kesihatan (KK).**

Ini adalah cadangan baik tapi bagi norma kerja, kebanyakan kes kematian (~99%) berlaku selepas waktu pejabat & hanya Penolong Pegawai Perubatan (PPP) yang bertugas atas panggilan dipanggil untuk mengesahkan kematian sahaja & kes kematian dilaporkan kepada pihak polis. Majoriti Klinik Kesihatan tiada kuarters Pegawai Perubatan untuk bertugas atas panggilan bagi mengesahkan kematian selepas pukul 5 petang.

**14) Selain dari Verifikasi Data Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan. yang dilaksanakan sekarang, adakah terdapat cadangan lain bagi menambahbaikkan peratusan NMCD ni pada masa hadapan?**

Perkara ini telah dibincangkan di dalam beberapa siri mesyuarat di peringkat kementerian kesihatan dengan agensi-agensi berkaitan. Hasil perbincangan tersebut memutuskan buat masa sekarang cara terbaik adalah melalui Verifikasi Data Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan iaitu dengan menjalankan temuramah.



